



## NOTIS MAKLUMAN

### PORTAL PERMOHONAN PEMBIAYAAN LPPSA YANG BAHRU

**Pelanggan LPPSA yang dihormati,**

Kami amat menghargai kesetiaan dan kesabaran anda terutamanya sepanjang pelaksanaan sistem pengurusan pembiayaan baharu yang beroperasi sejak 1hb April 2019.

LPPSA juga mengambil maklum mengenai beberapa permasalahan dan kekeliruan berhubung sistem baharu tersebut dan kesukaran anda menembusi talian hotline LPPSA (03-88801600) disebabkan peningkatan mendadak jumlah panggilan telefon bagi pertanyaan berkaitan. Dimaklumkan **LPPSA telahpun mengambil tindakan memanjangkan tempoh talian hotline (03-8880 1600) dari pukul 8.00 pagi sehingga 6.00 petang (Isnin – Jumaat)** kecuali cuti umum yang berkuatkuasa pada 8 April 2019 dan turut telah menganjurkan 11 siri jelajah penerangan kepada penjawat awam, peguam berdaftar serta pemaju hartanah di kawasan dan zon – zon yang terpilih daripada **22 April 2019 sehingga 26 April 2019**. LPPSA akan terus mempertingkatkan perkhidmatan bagi memudahkan urusan anda melalui tindakan tambahan berikut :-

- 1) Penambahan sebanyak 11 talian tambahan (03-8880 2000) khusus untuk:-**
  - a) Pertanyaan mengenai sistem baharu**
  - b) Pertanyaan mengenai reset ID Pengguna/Kata laluan dan Akaun Disekat (Unbanned)**

- 2) Siri jelajah tambahan mengenai penerangan penggunaan Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA juga akan dilanjutkan sehingga 30 Mei 2019 di lokasi dan zon-zon terpilih. Jadual siri jelajah akan dimaklumkan dan dikemaskini di laman web LPPSA dan di Facebook <http://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA/>**
- 3) Khidmat panduan dan penerangan secara terus di Kaunter Pusat LPPSA di Putrajaya.**
- 4) Sesi penerangan FB live LPPSA (tarikh akan diumumkan kelak)**

Terima kasih sekali lagi di atas kepercayaan anda dan sebarang kesulitan yang dihadapi amatlah dikesali.

**06 MEI 2019**